



Rujukan Kami : UniSZA.P/2/BPSM/331-2(5)
Bertarikh : 28 Februari 2016
Bersamaan : 19 J'Awal 1437H

Senarai seperti di lampiran

Y. Bhg. Dato'/Profesor/Dr./Tuan/Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

- i) **TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**
- ii) **TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Dato'/Profesor/Tuan/Puan berhubung dengan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mempelawa semua kakitangan akademik yang berminat dan berkelayakan untuk memohon jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) di UniSZA.

3. Permohonan perlu dikemukakan bersama *Curriculum Vitae* yang terkini dan dokumen sokongan lain yang berkaitan. Bersama-sama ini dilampirkan hebahan berkaitan ciri dan kriteria calon-calon yang ditetapkan bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut. Untuk makluman, tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Mac 2016**.

4. Kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam memanjangkan hebahan tersebut kepada semua kakitangan akademik di Universiti Y.Bhg.Dato'/Profesor/Dr./Tuan/Puan sangatlah dihargai dan didahului ucapan ribuan teima kasih.

Sekian,

"Pengurusan Mesra & Efektif"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

PROF. MADYA NORDIN BIN JUSOH
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Aras 9, No.2, Menara2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Maklumat jawatan adalah seperti berikut:

1. Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
2. Gred : Utama B VU6
3. Jadual Gaji : Minimum - Maksimum (RM7,788.05 - RM15,900.42)
4. Elaun :

:	Imbuan Tetap Perumahan	:	RM1,600.00
:	Imbuan Tetap Keraian	:	RM3,050.00
:	Imbuan Tetap Jawatan	:	RM1,500.00
:	Elaun Pembantu Rumah	:	RM 500.00
:	Bantuan Menyelenggara Rumah	:	RM 2,000.00
			(setahun)
5. Taraf lantikan : Tukar Sementara/ Pinjaman
6. Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia)
8. Kriteria Umum :

Kriteria Umum jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA seperti berikut;

 - a) **Kecemerlangan Akademik**
 Pemohon mestilah mempunyai kelayakan Ph.D mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam Penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

- b) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Pemohon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi tertemuka luar negara.
- c) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Pemohon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonel* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlangan pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- d) **Reputasi**
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- e) **Personaliti**
Pemohon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Pemohon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangun modal insan bermentaliti kelas pertama.
- f) Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh jawatankuasa pemilihan yang dipengerusikan Lembaga Pengarah Universiti.

9. Kriteria Khusus : Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:

- a) **Pengalaman Membida Projek Penyelidikan dengan Jaya;**
Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Pemohon bukan sahaja berpengalaman menjalankan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidik dari dalam dan luar negara.
- b) **Mahir Mensistesis Instrument Komitmen Penyelidikan (RU Instrument);**
KPI Timbalan Naib Canselor (P & I) utama adalah meneraju di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence* (COE) atau Fakulti.
- c) **Mempunyai Jaringan hubungan yang luas;**
Pemohon mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan Industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta pemohon juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.
- d) **Berkemampuan dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelekt;**
Pemohon mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.
- e) **Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan;**
Pemohon mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai track record dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit

agar pemohon mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setaraf.

- f) **Berpengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya;** Pemohon mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana pemohon bertanggungjawab menentukan halatuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

10. Cara memohon : Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Pendaftar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan menyertakan bersama dokumen seperti berikut:

- a) Surat permohonan bertulis;
- b) *Curriculum Vitae* terkini;
- c) Sekeping gambar berukuran pasport terkini
- d) Dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan;
- e) Sokongan Ketua jabatan; dan
- f) Kertas cadangan yang boleh membantu UniSZA meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat menjayakan UniSZA sebagai Universiti terkemuka di peringkat nasional dan antarabangsa.

11. Hanya calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil untuk temuduga.

12. Sebarang pertanyaan, sila hubungi;

Prof. Madya Nordin bin Jusoh
Pendaftar
Pejabat Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin
No. Tel: 09-6688273/8360
E-mel : pendaftar@unisza.edu.my

13. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar di alamat:-

**PENDAFTAR
PEJABAT PENDAFTAR
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAQ
21300 KUALA TERENGGANU**

14. Tarikh tutup permohonan pada **31 Mac 2016**

**UniSZA/P/2/BPSM/331
Bertarikh : 28 Februari 2016**

Ksah/BPSM/jawatankosong

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni). Maklumat jawatan adalah seperti berikut:

1. Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni)
2. Gred : Utama B VU6
3. Jadual Gaji : Minimum - Maksimum (RM7,788.05 - RM15,900.42)
4. Elaun :

:	Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM1,600.00
:	Imbuhan Tetap Keraian	:	RM3,050.00
:	Imbuhan Tetap Jawatan	:	RM1,500.00
:	Elaun Pembantu Rumah	:	RM 500.00
:	Bantuan Menyelenggara Rumah	:	RM 2,000.00
			(setahun)
5. Taraf lantikan : Tukar Sementara/ Pinjaman
6. Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia)
8. Kriteria Umum :

Kriteria Umum jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) berdasarkan Garis Panduan dan kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA sepertimana berikut;

 - a) **Kecemerlangan Akademik**
 Pemohon mestilah mempunyai kelayakan Ph.D mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam Penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

b) **Pengiktirafan Antarabangsa**

Pemohon mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi tertemuka luar negara.

c) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Pemohon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlangan pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

d) **Reputasi**

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

e) **Personaliti**

Pemohon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Pemohon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangun modal insan bermentaliti kelas pertama.

f) Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh jawatankuasa pemilihan yang dipengerusikan Lembaga Pengarah Universiti.

9. Kriteria Khusus : Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:

a) Berkemampuan Menguruskan Urusan Berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar:

pemohon perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana pemohon bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

b) Aktif dalam Ko-kurikulum dan Berpengetahuan dalam Merekabentuk dan Melaksanakan ko-kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara Holistik:

Pemohon mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

c) Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar;

Pemohon jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, pemohon mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka

pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

d) **Berpengalaman dalam Menguruskan Kolej-Kolej Kediaman:**

Pemohon mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Pemohon mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

e) **Mempunyai Jaringan Hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni:**

Pemohon mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

10. Cara memohon :

Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan kepada Pendaftar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan menyertakan bersama dokumen seperti berikut:

- a) Surat permohonan bertulis;
- b) *Curriculum Vitae* terkini;
- c) Sekeping gambar berukuran pasport terkini;
- d) Dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan;
- e) Sokongan Ketua jabatan; dan
- f) Kertas cadangan yang boleh membantu UniSZA meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya dapat

menjayakan UniSZA sebagai Universiti terkemuka di peringkat nasional dan antarabangsa.

11. Pemohon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil untuk temuduga.
12. Sebarang pertanyaan, sila hubungi;

Prof. Madya Nordin bin Jusoh
Pendaftar
Pejabat Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin
No. Tel: 09-6688273/8360
E-mel : pendaftar@unisza.edu.my
13. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar di alamat:-

**PENDAFTAR
PEJABAT PENDAFTAR
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAQ
21300 KUALA TERENGGANU**
14. Tarikh tutup permohonan pada **31 Mac 2016**

**UniSZA/P/2/BPSM/331
Bertarikh : 28 Februari 2016**

Ksah/BPSM/jawatan kosong

SENARAI EDARAN

Pendaftar
Universiti Malaya (UM)
Lembah Pantai
50603 KUALA LUMPUR

Pendaftar
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 Minden
PULAU PINANG

Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
SELANGOR DARUL EHSAN

Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Skudai
JOHOR DARUL TAKZIM

Pendaftar
Universiti Teknologi MARA (UITM)
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P,O.Box 10
50728 KUALA LUMPUR

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
KEDAH DARUL AMAN

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Kota Samarahan
94300 Kucing
SARAWAK



Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Aras 4, Bangunan Pentadbiran
Beg Berkunci 2073
88999 Kota Kinabalu
SABAH

Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Jalan Slim
35900 Tanjung Malim
PERAK DARUL RIDZUAN

Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
Beg Berkunci 101
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR DARUL TAKZIM

Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Beg Berkunci 1200
Ayer Keroh
75450 MELAKA

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Karung Berkunci 12
25000 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
Tingkat 11, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar Perli
PERLIS

Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU DARUL IMAN

Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
Kem Sungai Besi
57000 KUALA LUMPUR

Pendaftar
Univesiti Malaysia Kelantan (UMK)
Kampus Kota
Pengkalan Chepa
16100 Kota Bahru
KELANTAN DARUL NAIM